

Kenyataan Media Berkaitan Lebih 42,000 Mendapat Kerja Dan 1,200 Pekerjaan Baharu Berjaya Dicipta Pada Januari 2022

By : Media Statement

Date : 03/03/2022

KENYATAAN MEDIA YAB PERDANA MENTERI

LEBIH 42,000 MENDAPAT KERJA DAN 1,200 PEKERJAAN BAHARU BERJAYA DICIPTA PADA JANUARI 2022

1. Majlis Pekerjaan Negara (National Employment Council – NEC) telah bermesyuarat pada hari ini (3 Mac 2022) untuk membincangkan program dan inisiatif yang telah dan akan dijalankan oleh agensi pelaksana untuk mencipta peluang pekerjaan bagi Keluarga Malaysia.

2. Di antara kejayaan yang telah dicapai, pada bulan Januari 2022 sahaja, 42,166 orang telah mendapat kerja dan sejumlah 1,200 pekerjaan baharu diwujudkan. Ia mencerminkan keadaan ekonomi Malaysia yang semakin pulih dengan pembukaan semula pelbagai sektor ekonomi dan sosial. Malah, kejayaan ini juga membuktikan bahawa inisiatif JaminKerja Keluarga Malaysia (“JaminKerja”) berada di landasan yang tepat bagi mencapai sasaran penciptaan 600,000 pekerjaan pada tahun ini.

3. Mengimbas kembali **kejayaan** yang telah dicapai pada **tahun 2021**, Kerajaan dengan kerjasama bersepadu pelbagai Kementerian, agensi pelaksana dan sektor swasta telah **berjaya menempatkan 558,633 pekerjaan**. Pencapaian ini adalah **112% lebih tinggi daripada sasaran yang telah ditetapkan** dan Kerajaan yakin bahawa kejayaan ini boleh diulangi dengan sasaran yang lebih tinggi bagi tahun 2022.

4. Di samping itu, Majlis juga meneliti dan membincangkan strategi bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Sistem kuota dan Multi-tier Levy (MTL) merupakan langkah yang boleh diambil dalam menangani isu ini dan sokongan daripada pihak majikan juga perlu bagi mengimbangi impak kekurangan tenaga kerja pasca-pandemik.

5. Inisiatif Jamin Kerja Keluarga Malaysia mempunyai tiga (3) komponen utama iaitu insentif Penggajian Jamin Kerja, Program Latihan dan Peningkatan Kemahiran serta Malaysia Short Term Employment Programme (MySTEP).

6. Majlis bersetuju dengan penetapan sasaran sejumlah 300,000 penempatan pekerjaan di bawah Insentif Penggajian Jamin Kerja, 220,000 di bawah Program Latihan dan Peningkatan Kemahiran, dan 80,000 di bawah MySTEP. Sebagaimana aturan sebelum ini, pencapaian sasaran ini akan disokong oleh lima (5) Pasukan Petugas Khas (STF) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian masing-masing.

7. Sementara itu, Kementerian Sumber Manusia telah diarahkan merangka strategi yang khusus bertujuan meningkatkan lagi peluang pekerjaan bagi golongan belia. Langkah ini penting kerana kadar pengangguran dalam golongan berkenaan berada pada tahap 80.3 peratus.

8. Kerajaan turut mengulangi pendirian mengenai usaha pendedahan awal pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) kepada pelajar Tingkatan 1, untuk membantu pelajar membuat pilihan berdasarkan kecenderungan minat mereka.

9. Bagi tujuan ini, kempen promosi dan penjenamaan semula TVET akan dilakukan secara komprehensif bagi menghapuskan persepsi yang mengatakan TVET adalah pendidikan kelas kedua. Sebaliknya, TVET akan diperkasakan agar ia menjadi kerjaya pilihan seperti negara maju.

10. Kerajaan juga akan menambah baik dan memperkasa ekosistem pekerjaan melalui pewujudan Pusat Penempatan Pekerjaan sehenti yang akan memantau kejayaan setiap permohonan pekerjaan. Ia merupakan pelengkap bagi platform MYFutureJobs yang memudahkan majikan menawarkan pekerjaan dan pada masa yang sama membantu pencari kerja untuk membuat pendaftaran dan mendapatkan tarikh temu duga.

11. Kerajaan yakin strategi NEC dapat meneruskan momentum pemulihan ekonomi negara, meningkatkan penciptaan peluang pekerjaan serta mengurangkan kadar pengangguran. Selain itu, Kerajaan memandag serius isu-isu berkaitan seperti kekurangan pekerja dalam sektor tertentu,

kesaksamaan peluang pekerjaan, perlindungan sosial bagi pekerja dan isu kebolehpasaran graduan.

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB

3 MAC 2022

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2022/03/nec-lebih-42000-mendapat-kerja-dan-1200-pekerjaan-bahari-berajay-dicipta-pada-januari-2022/>